

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT (4958)

LAPORAN PENGERUSI KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA
SELEPAS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-29/2025

22 Februari 2025

Assalamu`alaikum wbt,
Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,
Anggota-Anggota Sekatarakyat Yang Dihormati Sekalian,

Alhamdulillah, **Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-29** telah selamat disempurnakan secara fizikal pada hari ini, **Sabtu, 22 Februari 2025**, seperti yang dijadualkan.

Yang berikut adalah butir-butir ringkas mesyuarat itu.

Mesyuarat Agung Perwakilan Sekatarakyat Ke-29

Tarikh : **22 Februari 2025 (Sabtu)**

Tempat : **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad
Tingkat 3, Menara 1, MKBR
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur**

Bilangan Kehadiran : **160 orang perwakilan daripada 188 jumlah sepenuhnya**

Dirasmikan oleh : **Yang Berbahagia Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak
Pengerusi Bank Rakyat**

Antara perkara-perkara yang telah diluluskan oleh mesyuarat ialah :

1. Akaun-Akaun Teraudit bagi Tahun 2024.
2. Pembahagian Keuntungan bagi Tahun 2024.
3. Belanjawan bagi Tahun 2025.
4. Kadar Elaun Anggota Lembaga Pengarah.
5. Kadar Bayaran Elaun Tetap bagi Anggota Lembaga Pengarah.
6. Kadar Elaun Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman.
7. Kadar Elaun Anggota Jawatankuasa Syariah.
8. Kemudahan Perlindungan Takaful Group Hospitalization & Surgical Dan Kemudahan Rawatan Pesakit Luar Untuk Anggota-Anggota Lembaga Pengarah bagi Tahun 2025.
9. Pelantikan Juruaudit Luar.
10. Skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi.
11. Had Maksimum Keterhutangan bagi Tahun 2025.
12. Melantik Orang Kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman untuk Tahun 2025.
13. Pemilihan Anggota Lembaga Pengarah.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT (4958)

1. Akaun-Akaun Teraudit Bagi Tahun 2024

Butir-butir sepantas lalu akaun-akaun tahun 2024 adalah seperti yang berikut :-

PERKARA/TAHUN	2024		2023		+/-	
	RMJUTA	PERATUS	RMJUTA	RMJUTA	PERATUS	
Jumlah Pendapatan	133.47		110.24	+23.23		+21%
Untung Bersih*	43.3		31.41	+11.89		+38%
Jumlah Aset	1595.69		1240.48	+355.21		+29%
Kumpulan Wang Anggota	294.96		273.41	+21.55		+8%
Pembentukan Berjangka	1104.06		837.67	+266.39		+32%
<i>Nota : sebelum ibra' & cukai</i>						

Untung bersih - Ibra'

Keuntungan RM43.3Juta bagi tahun 2024 adalah sebelum ditolak pembayaran Ibra' Pembentukan Anggota.

2. Pembahagian Keuntungan Tahun 2024

PERKARA/TAHUN	2024		2023		+/-	
	RMJUTA	%	RMJUTA	%	RMJUTA	%
Dividen Anggota	32.9		22.48		+10.42	
% atas syer & yuran		13.5		13		+0.5%
% atas keuntungan bersih		82		80		+2%
Tabung khairat anggota	0.69	2	0.47	2	+0.22	+47%
Tabung persaraan kakitangan	0.32	-	0.25	-	+0.07	+28%
Honorarium	0.09	-	-	-	+0.09	+100%

Kadar dividen atas Modal Syer & Modal Yuran bagi tahun 2024 adalah sebanyak 13.5% (13% + 0.5% (Dividen Khas)). Dividen Khas sebanyak 0.5% diberikan bersempena Sambutan Jubli Emas Sekatarakyat.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958

3. Belanjawan Bagi Tahun 2025

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD	
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR DISEMBER 2025	
PERKARA	BELANJAWAN 2025
	DIVIDEN 12.5%
RMJUTA	
JUMLAH PENDAPATAN	170.88
JUMLAH KOS JUALAN	82.94
UNTUNG/(RUGI) KASAR	87.93
MARGIN UNTUNG KASAR	51%
JUMLAH BELANJA SUMBER MANUSIA	21.30
JUMLAH BELANJA KENDALIAN	19.60
UNTUNG/(RUGI) BERSIH SEBELUM IBRA', PEMBAHAGIAN BERKANUN, CUKAI DAN ZAKAT	47.03
MARGIN UNTUNG BERSIH	28%
JUMLAH BELANJA IBRA'	5.76
UNTUNG/(RUGI) BERSIH SEBELUM PEMBAHAGIAN BERKANUN, CUKAI DAN ZAKAT	41.27

4. Elaun Mesyuarat Anggota Lembaga Pengarah

Elaun mesyuarat sebanyak RM200 seorang bagi satu mesyuarat, terhad kepada tidak lebih RM1,000 seorang sebulan.

5. Elaun Tetap Anggota Lembaga Pengarah

Elaun Tetap sebanyak RM1,500 sebulan bagi setiap Anggota Lembaga Pengarah.

6. Elaun Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman

RM1,200 seorang bagi setiap kali tugas pengauditan terhad kepada tidak lebih daripada RM4,800 seorang setahun.

7. Elaun Anggota Jawatankuasa Syariah

RM1,200 seorang bagi setiap kali tugas pengauditan terhad kepada tidak lebih daripada RM4,800 seorang setahun.

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958**

8. Kemudahan Perlindungan Takaful Group Hospitalization & Surgical Dan Kemudahan Rawatan Pesakit Luar Untuk Anggota Lembaga Pengarah

Kemudahan perlindungan takaful group hospitalization & surgical dan kemudahan rawatan pesakit luar untuk Anggota Lembaga Pengarah dengan kos ditanggung oleh Sekatarakyat tidak lebih RM31,328.00.

9. Juruaudit Luar

Mandat diberikan kepada Lembaga Pengarah untuk melantik Juruaudit Luar dari kalangan firma yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia serta berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit dan tertakluk kepada perbelanjaan tidak melebihi RM60,000.00.

10. Skop dan Had Pelaburan

RM1 bilion.

11. Had Maksimum Keterhutangan

RM5 bilion.

12. Honorarium Anggota Lembaga Pengarah

Honorarium sebanyak RM10,000.00 diberikan kepada setiap Anggota Lembaga Pengarah dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM90,000.00.

13. Pemberian Anugerah Penghargaan Kepada Anggota Lembaga Pengarah Yang Masih Berkhidmat Sempena 50 Tahun

TEMPOH PERKHIDMATAN	WAFER JUBLI EMAS	BILANGAN / HARGA PER UNIT	JUMLAH
1 – 8 Tahun	1 Wafer 1 Gram	9 x RM378	RM3,402.00
9 – 19 Tahun	2 Wafer 1 Gram		
20 Tahun dan ke atas	1 Wafer 1 Dinar	3 x RM1,586.78	RM4,760.34
Lain-lain Berkaitan		RM1,837.66	
JUMLAH KESELURUHAN			RM10,000.00

14. Pindaan Undang-Undang Kecil (UUK)

Pindaan kepada UUK adalah seperti yang berikut:-

➤ **Pindaan Perkara 9(1)**

a) menjalankan aktiviti berikut:

- i. menggalakkan anggota-anggota supaya berjimat-cermat dengan menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka dengan tetap dan memberi pinjaman atau pembiayaan untuk maksud yang munasabah dan berguna;
- ii. menjalankan perniagaan pajak gadai ar-rahnu serta segala perniagaan

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958**

- yang berkaitan dengannya;
- iii. menjalankan aktiviti perniagaan jual beli emas,sistem simpanan emas dan lain-lain yang berkaitan dengannya;
 - iv. menjalankan aktiviti perniagaan makanan, penyajian, restoran, kafeteria, pembekalan makanan dan minuman, dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan;
 - v. menjalankan aktiviti perniagaan taman asuhan kanak-kanak, membuka sekolah/institut pendidikan swasta;
 - vi. menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan pelancongan, perhotelan, rumah peranginan dan aktiviti berkaitan dengannya;
 - vii. menjalankan perniagaan pengurusan acara dan majlis, aktiviti kursus, latihan dan perundingan;
 - viii. menjalankan perniagaan berkaitan kesejahteraan dan kesihatan seperti Farmasi;
 - ix. menjalankan kegiatan pengguna termasuk kedai runcit dan serbaneka, pasar mini, pasar hyper dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengannya seperti perolehan, pengurusan stok dan jualan barang pengguna;
 - x. menjalankan aktiviti perkhidmatan takaful;
 - xi. menjalankan perkhidmatan perniagaan dobi, pejabat, bangunan dan lain-lain berkaitan; dan
 - xii. perkhidmatan, penyewaan dan pengurusan tempat letak kereta
 - xiii. mengadakan kerjasama dengan pihak luar bagi menjalankan projek-projek usahasama
 - xiv. menjalankan perkhidmatan menjahit dan baik pulih/ menjahit pakaian dan kelengkapan serta perkhidmatan pembekalan
 - xv. menjalankan perkhidmatan pemindahan barang-barang, pembungkusan dan perpindahan
 - xvi. menjalankan perniagaan pengendalian sistem kawalan komputer
 - xvii. menjadi pengedar barang runcit, kosmetik, barang kesihatan dan pengimport serta pengeksport berdasarkan makanan

➤ **Pindaan Perkara 21(1)**

Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab-sebab yang berikut:

- a) Mati;
- b) Menarik diri menurut undang-undang kecil 22; atau
- c) Dibuang menurut undang-undang kecil 23
- d) Diberhentikan daripada menjadi kakitangan Koperasi ini.

➤ **Pindaan Perkara 21(3)**

Pesara Bank Rakyat, dan sesiapa yang pernah berkhidmat dengan Bank Rakyat atau Sekatarakyat

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958**

15. Mewujudkan Aturan Perniagaan Ar-Rahnu X'Change (ARX)

Aturan perniagaan ARX merangkumi keseluruhan syarat-syarat dan kaedah pelaksanaan Pajak Gadai ARX yang berprinsipkan shariah.

16. Kelulusan Pembukaan Perniagaan Taska Qaseh Nuri, Kafeteria Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan D'Sekata

Permohonan kelulusan ini adalah selaras dengan permohonan Sekatarakyat bagi mendapatkan kelulusan menjalankan perniagaan daripada pihak SKM.

17. Pelantikan Orang Kompeten Bagi Membantu Jawatankuasa Audit Dalaman

Mandat diberikan kepada Lembaga Pengarah untuk melantik Orang Kompeten dengan perbelanjaan tidak melebihi RM120,000.00.

18. Pemilihan Anggota Lembaga Pengarah

Mohd Khuzaini Ab Ghani telah dilantik semula sebagai Anggota Lembaga Pengarah.

Calon baru Zakaria Abdul Majid dan Suhaimi Che Omar dilantik sebagai Anggota Lembaga Pengarah yang baru.

Barisan Lembaga Pengarah yang baru adalah seperti yang berikut:-

Pengerusi	: Datuk Mohamed Arsal Sehan
Setiausaha Kehormat	: Puan Hasrul Liza Shah Rudin
Bendahari Kehormat	: Dato' Mustafha Abd Razak
Anggota Lembaga Pengarah	: Tuan Haji Mohd Salleh Mahmood
	: Tuan Haji Saliman Zainal
	: Tuan Haji Mohamad Sabri Mohamed Nor
	: Tuan Haji Mohd Khuzaini Ab Ghani
	: Encik Zakaria Abdul Majid
	: Encik Suhaimi Che Omar

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958**

Penutup

Bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Sekatarakyat pada Tahun 2024, Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk memberikan Sumbangan Hari Raya kepada anggota berjumlah RM200 seperti tahun sebelum ini yang akan dibayar pada 7 Mac 2025. Selain itu, Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk memberikan tambahan Dividen Khas sebanyak 0.5% ke atas Modal Yuran dan Modal Syer anggota. Bermula tahun 2025, Pembiayaan Peribadi Akaun 3 diperkenalkan dengan kadar keuntungan yang lebih rendah berbanding Pembiayaan Peribadi lain pada kadar 4.5% dengan had maksimum sebanyak RM150,000.

Sekiranya Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan memerlukan penerangan lanjut, sila dapatkannya daripada anggota-anggota yang telah dilantik sebagai wakil kawasan Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, atau hubungi saya, mana-mana anggota Lembaga Pengarah atau pejabat Sekatarakyat.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada sekalian anggota Sekatarakyat, Pengurusan dan wargakerja Sekatarakyat, semua pihak di Bank Rakyat dan anggota-anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat atas sumbangan yang telah diberikan dan peranan yang telah dijalankan hingga tercapainya prestasi Sekatarakyat yang baik pada tahun 2024 dan tahun-tahun sebelumnya. Sama-samaalah kita bersyukur kepada Allah Subhanahuwata'alah dan memohon agar prestasi bagi tahun-tahun yang akan datang menjadi bertambah baik.

Jazakallah, wassalam.

Yang benar,

DATUK MOHAMED ARSAD SEHAN
Pengerusi
(arsadsehan@sekatarakyat.com.my / arsadsehan@me.com)